



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



**BUKU PANDUAN**  
**MAJLIS KONVOKESYEN KEENAM**  
**POLITEKNIK METrO KUANTAN**  
**TAHUN 2022**

**PANDUAN PARA GRADUAN MAJLIS KONVOKESYEN KEENAM  
POLITEKNIK METR0 KUANTAN TAHUN 2022**

**1.0 PENYERTAAN KONVOKESYEN PMKu**

1.1 Penyertaan graduan ke Majlis Konvokesyen dan tuntutan Diploma hanya sah setelah menyempurnakan perkara-perkara berikut:

- i. Menjelaskan bayaran penyertaan Majlis Konvokesyen. (Rujuk Perkara 2)
- ii. Memberi maklumbalas “**BORANG PENGESAHAN PEMBAYARAN & KEHADIRAN” SEBELUM 15 MEI 2022.**

\*(Para graduan hanya perlu melengkapkan pauntan maklumbalas Borang Pengesahan Pembayaran dan Kehadiran di pautan:

<https://forms.gle/B8Qxc73NAZNH7snH7>

1.2 Graduan yang hadir **MESTI** mengikut sesi berikut:

1.2.1 Kajian Pengesanan Graduan dan Pengambilan Jubah Konvo

**(9.00 pagi hingga 12.00 tengahari /03 Jun 2022)**

1.2.2 Raptai Konvokesyen **(3.00 petang hingga 6 petang/ 03 Jun 2022)**

1.2.3 Majlis Konvokesyen

Sidang 1 **(7.30 pagi / 04 Jun 2022)**

Sidang 2 **(1.00 petang / 04 Jun 2022)**

## **2.0 BAYARAN KONVOKESYEN PMKU KALI KEENAM**

2.1 Jumlah bayaran ini merangkumi bayaran pengurusan konvokesyen dan bayaran alumni graduan.

1. Jumlah bayaran **RM 270.00** (Bagi graduan yang memilih untuk **HADIR**)
2. Jumlah bayaran **RM150.00** (Bagi graduan yang memilih untuk **TIDAK HADIR**)
3. Jumlah bayaran **RM180.00** (Bagi graduan yang mempunyai baki bayaran kerana telah menuntut sijil pada Pegawai Peperiksaan dan memilih untuk **HADIR**)

2.2 Pembayaran boleh dibuat melalui cawangan **BANK COMMERCE INTERNATIONAL MERCHANT BANKERS (CIMB)** atas nama **KOPERASI POLITEKNIK METRO KUANTAN BERHAD** nombor akaun “**8009362525**”

2.3 Pembayaran melalui **Perbankan Internet (Online Banking)** sahaja yang dibenarkan. Maklumat pembayaran adalah seperti berikut:

Ref 1: **NAMA PELAJAR**

Ref 2: **KONVO KE6**

**(Sila CETAK dan SIMPAN resit pembayaran sebagai bukti pembayaran)**

2.4 Salinan slip pembayaran CIMB

2.3.1 Salinan Pertama : Salinan CIMB

2.3.2 Salinan Ke 2 : Muat turun bersama **BORANG PENGESAHAN PEMBAYARAN & KEHADIRAN** di pauntan yang diberikan.

2.3.3 Salinan 3 & 4 : Simpanan Graduan

**Nota :Salinan 3 & 4 bagi tujuan pendaftaran dan pengambilan jubah.**

2.5 **Graduan yang masih berhutang atau belum menjelaskan saman**, boleh menyertai Majlis Konvokesyen tetapi Diploma akan ditahan oleh **Unit Peperiksaan PMKU** sehingga bayaran dijelaskan.

### **3.0 PENDAFTARAN GRADUAN**

- 3.1 Pendaftaran graduan dibuat sebelum acara raptai bermula
- 3.2 Tanpa pendaftaran, graduan tidak dibenarkan menyertai Majlis Konvokesyen.
- 3.3 Jadual Pendaftaran, Raptai dan Majlis Konvokesyen (Lampiran 1)

### **4.0 RAPTAI KONVOKESYEN**

- 4.1 Raptai Majlis Konvokesyen Kelima adalah **WAJIB** dihadiri bagi memastikan kelancaran dan protokol Majlis Konvokesyen yang mesti dipatuhi oleh setiap graduan.
- 4.2 Raptai ini akan diadakan di **Swiss Ballroom, Tingkat 5, Swiss BelHotel, Kuantan** selepas selesai proses pendaftaran graduan.

### **5.0 MAJLIS KONVOKESYEN**

- 5.1 Semua graduan dikehendaki mendaftar di **Swiss Ballroom, Tingkat 5, Swiss BelHotel, Kuantan**
- 5.2 Graduan dikehendaki hadir lebih awal selewat-lewatnya 30 minit sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi mengelakkan dari dihalang menyertai Majlis Konvokesyen.
- 5.3 Semasa majlis berlangsung, graduan, ibubapa atau penjaga dikehendaki Menghormati Majlis Konvokesyen dengan penuh adab dan mematuhi protokol.
- 5.4 Graduan, ibubapa atau penjaga dilarang meninggalkan dewan sebelum selesai Majlis Konvokesyen.
- 5.5 Tempat duduk adalah terhad, sila tunjukkan "**KAD JEMPUTAN KE MAJLIS KONVOKESYEN**". Hanya dibenarkan untuk **DUA** orang tetamu dewasa sahaja.
- 5.6 Suhu dewan adalah sejuk, ibubapa atau penjaga digalakkan untuk berpakaian yang bersesuaian dengan majlis.

## **6.0 SAHSIAH DAN RUPADIRI GRADUAN**

### **6.1 Sahsiah Dan Rupadiri Semasa Pendaftaran dan Acara Raptai**

#### **A. Graduan Lelaki**

- 6.1.1 Baju kemeja lengan panjang/pendek dan seluar *slack* serta kasut kulit.
- 6.1.2 Graduan **DILARANG TEGAS** memakai “**jeans**”, **selipar**, **capal**, dan ‘**T-shirt**’ tanpa kolar semasa mendaftar.
- 6.1.3 Graduan lelaki hendaklah berambut pendek. Graduan yang berambut panjang, berekor atau diwarnakan dilarang untuk mendaftar diri untuk raptai seterusnya tidak dibenarkan menyertai majlis konvokesyen.

#### **B. Graduan Wanita**

- 6.1.4 Baju kurung tradisional/kebaya labuh/kebarung **ATAU** blouse dan seluar *slack/skirt* yang melepas paras lutut (bagi pelajar bukan Islam sahaja).
- 6.1.5 Graduan **DILARANG TEGAS** memakai pakaian jarang, tidak sopan, ketat atau mendedahkan.
- 6.1.6 Kasut hendaklah jenis bertutup atau bertali belakang. Sandal tidak dibenarkan.

### **6.2 Etika Berpakaian Semasa Majlis Konvokesyen**

#### **A. Graduan Lelaki**

- 6.2.1 Memakai jubah yang disediakan oleh pihak Politeknik METR<sup>O</sup> Kuantan.
- 6.2.2 Baju Melayu berwarna hitam, bersamping sebarang corak dan warna, **ATAU Lounge Suit** (Baju kemeja lengan panjang berwarna putih, seluar *slack* warna hitam, blazer warna hitam dan bertali *leher*).
- 6.2.3 Graduan **DIWAJIBKAN** memakai songkok hitam.
- 6.2.4 Graduan mestilah **berambut pendek**, kemas dan **tidak diwarnakan**.
- 6.2.5 Berkasut kulit hitam.

## B. Graduan Wanita

- 6.2.6 Memakai jubah yang disediakan oleh pihak Politeknik METR0 Kuantan
- 6.2.6 Graduan wanita dibenarkan memakai Baju Kurung Tradisional atau Kebaya Labuh atau Kebarung warna bebas (kain berbelah adalah dilarang) dan hendaklah mengenakan tudung berwarna krim atau putih **ATAU** blouse warna serba putih/krim dan skirt warna gelap yang melepas paras lutut (bagi pelajar yang bukan beragama Islam sahaja).
- 6.2.7 Graduan wanita adalah **DILARANG** memakai seluar panjang.

## 6.3 KASUT

- 6.3.1 Graduan hendaklah memakai kasut yang bersih dan bersesuaian (bahagian depan kaki bertutup), **sandal**, **capal** atau **kasut jenis sukan** tidak dibenarkan sama sekali.
- 6.3.2 Penggunaan kasut kulit berwarna hitam atau gelap amatlah digalakkan bagi graduan lelaki.
- 6.3.3 Graduan wanita hendaklah memakai kasut bertutup penuh berwarna hitam dan bertumit (ketinggian tumit 1-2 inci)

## 7.0 URUSAN PENDAFTARAN KAJIAN PENGESANAN GRADUAN & JUBAH

### 7.1 Peminjaman Jubah

- 7.1.1 Salinan slip bayaran CIMB perlu ditunjukkan kepada Urusetia Pengurusan Graduan semasa peminjaman dibuat.
- 7.1.2 Graduan dikehendaki melengkapi **borang permohonan peminjaman Jubah Konvokesyen**. Bawa bersama untuk urusan peminjaman dan pemulangan jubah.
- 7.1.3 Sila rujuk jadual dibawah untuk tindakan graduan.

TARIKH	MASA		TEMPAT
03 Jun 2020 (JUMAAT)	9.00 PAGI – 12.00 TGH	PENDAFTARAN	Lobi Politeknik METrO Kuantan
		KAUNTER SEMAKAN PERPUSTAKAAN	
		KAJIAN PENGESANAN GRADUAN	Makmal Kuliah, Tingkat 4, PMKu
		PENGAMBILAN JUBAH	Rooftop, Aras 6 , PMKU

**Nota:** Pastikan semua urusan pemulangan buku dan bayaran denda perpustakaan telah diselesaikan.

### 7.2 Pemulangan Jubah

- 7.2.1 Jubah hendaklah dipulangkan sebaik Majlis Konvokesyen tamat.
- 7.2.2 Kegagalan memulangkan jubah akan menyebabkan sijil dan transkrip ditahan oleh Unit Peperiksaan.
- 7.2.3 Jubah yang hilang atau rosak akan dikenakan bayaran gantirugi sebanyak **RM250.00** setiap satu.
- 7.2.4 Sila rujuk jadual dibawah untuk tindakan graduan.

TARIKH	MASA	TEMPAT
04 Jun 2020 (SABTU)	SELEPAS MAJLIS KONVOKESYEN	Swiss Ballroom, Tingkat 5, Swiss BelHotel, Kuantan

## **8.0 PENGAMBILAN SIJIL DAN TRANSKRIP**

- 8.1 Graduan boleh mengambil sijil dan transkrip di kaunter sebaik sahaja jubah konvokesyen dipulangkan.
- 8.2 **Sijil dan transkrip yang tidak dituntut akan disimpan oleh Unit Peperiksaan PMKu. Sebarang tuntutan Diploma selepas Majlis Konvokesyen hendaklah dibuat di UNIT PEPERIKSAAN PMKU. Sila hubungi 09-565 900 / 9030.**

**PERINGATAN: SIJIL DAN TRANSKRIP HANYA BOLEH DIAMBIL SEKIRANYA PROSES PEMULANGAN JUBAH SELESAI**

## **9.0 TEMPAT LETAK KENDERAAN**

- 9.1 Pelekat kenderaan graduan Konvokesyen kenam yang sah perlu dipamerkan.
- 9.2 Kenderaan ibubapa graduan atau graduan boleh di parkir di ruang tempat letak kenderaan yang telah disediakan atau diarahkan.
- 9.3 Sila patuhi arahan pegawai keselamatan yang bertugas bagi mengelak kesesakan lalulintas.

## **10.0 PAS MASUK MAJLIS KONVOKESYEN**

- 10.1 Disebabkan tempat yang terhad dan bilangan graduan yang ramai, hanya **SATU (1)** keping pas masuk ke dewan diberikan untuk kebenaran masuk **DUA (2)** orang dewasa sahaja (ibubapa atau penjaga). **Kanak-kanak berumur bawah 12 tahun tidak dibenarkan masuk.**
- 10.2 Ibubapa atau penjaga diminta supaya mengambil tempat duduk masing-masing 30 minit sebelum majlis bermula pada hari majlis konvokesyen.
- 10.3 Pas masuk dewan mesti dibawa dan ditunjukkan kepada petugas. Pihak PMKU memohon maaf sekiranya terdapat ahli keluarga graduan yang tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan kerana tempat adalah terhad.
- 10.4 Ibubapa atau penjaga perlu berpakaian kemas dan sopan bersesuaian dengan majlis rasmi .
- 10.5 Mohon kerjasama ibubapa atau penjaga agar **tidak meninggalkan dewan semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung.**

## **11.0 SESI BERGAMBAR (FOTOGRAFI)**

- 11.1 Syarikat luar diberikan tanggungjawab mengambil gambar graduan semasa Menerima Diploma dan urusan selanjutnya (penyerahan gambar) adalah tanggungjawab syarikat berkenaan.
- 11.2 Semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung graduan dan tetamu dilarang mengambil gambar di dalam atau luar dewan bagi memastikan kelancaran majlis.

## **12.0 BARANG-BARANG PERSENDIRIAN**

- 12.1 Pihak PMKu tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan barang peribadi.
- 12.2 Graduan dan tetamu adalah diingatkan supaya **tidak membawa masuk** ke dalam dewan seperti **makanan, minuman atau barang persendirian yang boleh mengganggu perjalanan Majlis Konvokesyen** seperti beg, kamera, telefon bimbit, sebarang peranti atau alatan elektronik dan sebagainya.
- 12.3 Sila matikan atau tukar kepada **Mod Senyap (Silent Mode)** sekiranya membawa masuk alatan elektronik seperti telefon bimbit, “tablet” dan lain-lain.

## **13.0 KUASA POLITEKNIK METR0 KUANTAN**

- 13.1 **Graduan yang tidak mematuhi syarat dan arahan yang telah ditetapkan terutama berpakaian atau penampilan diri yang tidak bersesuaian dengan majlis adalah dilarang atau ditahan daripada mengikuti Majlis Konvokesyen.**
- 13.2 **Sebarang keputusan mengenai larangan yang telah dikeluarkan adalah Muktamad.**
- 13.3 Justeru itu, pihak PMKu memohon kerjasama semua graduan agar mematuhi segala peraturan yang dinyatakan menerusi buku panduan ini dan menerima teguran sekiranya diberi oleh mana-mana pegawai.

## **14.0 PENGINAPAN**

Penginapan di sepanjang konvokesyen adalah tanggungjawab graduan. Pihak PMKU tidak menyediakan sebarang penginapan.

## **15.0 PENGURUSAN COVID 19 PASCA ENDEMIK**

Graduan perlu mematuhi arahan dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak Politeknik, KPT selaras dengan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Garis panduan Majlis Konvokesyen Keenam PMKu (Pasca Covid-19) adalah seperti berikut:

- i. Graduan dan ibubapa/ penjaga **AMAT DIGALAKKAN** untuk melakukan Ujian Saliva **SEHARI** sebelum majlis konvokesyen. Jika keputusan positif, calon diminta menangguhkan kehadiran dan ikut arahan kuarantin yang telah ditetapkan oleh KKM.
- iii. Pelaksanaan imbas masuk Aplikasi MySejahtera, penggunaan pensanitasi tangan, pemakaian pelitup muka dan pengamalan penjarakan sosial masih perlu dipatuhi oleh semua graduan dan ibubapa.
- iv. Pelajar yang bergejala COVID-19, berstatus Person under Investigation (PUI) atau Person under Surveillance (PUS), tidak dibenarkan menghadiri majlis konvokesyen.

## **16.0 HAL-HAL LAIN**

Sila hubungi Pegawai berikut jika terdapat sebarang pertanyaan yang berkaitan:

### **AJK Jemputan & Pendaftaran Graduan:**

- |                                  |                       |
|----------------------------------|-----------------------|
| 1. Pn. Noor Farizan Binti Basroh | (No.Tel: 09-565 9023) |
| 2. Cik Samsida Azila Binti Ishak | (No.Tel: 09-565 9099) |

### **AJK Jubah & Pemandu Graduan:**

- |                                     |                       |
|-------------------------------------|-----------------------|
| 1. Pn. Norsidah Binti Othman        | (No.Tel: 09-565 9062) |
| 2. Cik Siti Rohani Binti Mohd Idris | (No.Tel: 09-565 9056) |

### **AJK Tracer Study & Alumni:**

- |                                       |                       |
|---------------------------------------|-----------------------|
| 1. Pn. Nurullia Natasha Binti Jamal   | (No.Tel: 09-565 9005) |
| 2. En. Syed Mohd Hafizal Bin Syed Ali | (No.Tel: 09-565 9047) |

Sebarang urusan surat menyurat, sila hantar kepada alamat berikut:

**Pengarah,  
Politeknik METrO Kuantan,  
No A-5, Jalan Tun Ismail 2,  
Sri Dagangan 11, 25000 Kuantan  
Pahang Darul Makmur.  
(u.p : Jawatankuasa Pengurusan Graduan)  
Faks: 09 – 517 3259**

Sila rujuk halaman portal rasmi Politeknik METrO Kuantan di [www.pmku.edu.my](http://www.pmku.edu.my) untuk muat turun dokumen yang berkaitan dan makluman jika terdapat sebarang perubahan maklumat.

**“TAHNIAH DAN SELAMAT MAJU JAYA”**

**Jadual Pendaftaran, Raptai dan Konvokesyen Keenam PMKu 2022**

Tarikh/Hari/Masa	Aktiviti	Tempat
<b>03 Jun 2022/ Jumaat 9.00 pagi</b>	1. Pendaftaran Pengesahan Graduan 2.Pengambilan Jubah Konvokesyen Keempat	Politeknik METR0 Kuantan
<b>03 Jun 2022 3.00 Petang</b>	Pendaftaran Konvokesyen Graduan dan Majlis Raptai	Swiss Ballroom, Tingkat 5, Swiss BelHotel, Kuantan
<b>04 Jun 2022 7.30 Pagi</b>	1. Graduan beratur masuk bagi Sidang 1 2.Majlis Konvokesyen Keenam PMKu berlangsung	Swiss Ballroom, Tingkat 5, Swiss BelHotel, Kuantan
<b>04 Jun 2022 1.00 Petang</b>	1. Graduan beratur masuk bagi Sidang 2 2.Majlis Konvokesyen Keenam PMKu berlangsung	Swiss Ballroom, Tingkat 5, Swiss BelHotel, Kuantan

**Senarai Semak Borang Konvokesyen Keenam PMKu 2022**

Bil	Nama Borang/ Dokumen	Catatan
1	Buku Panduan Majlis Konvokesyen Keenam Politeknik METrO Kuantan 2022	Muat turun & Cetak sebelum hari pendaftaran & ambil jubah
2	Maklumbalas Borang Pengesahan Pembayaran dan Kehadiran Majlis Konvokesyen Keenam Politeknik METrO Kuantan 2022 di pautan <a href="https://forms.gle/B8Qxc73NAZNH7snH7">https://forms.gle/B8Qxc73NAZNH7snH7</a>	Maklumbalas di pautan
3	Borang Pengurusan Majlis Konvokesyen Keenam Politeknik METrO Kuantan 2022	Muat turun & Cetak (bawa pada hari pendaftaran & ambil jubah)
4	Kad Jemputan Ibu-Bapa dan Pas Parkir Kenderaan Graduan Majlis Konvokesyen Keenam Politeknik METrO Kuantan 2022	Muat turun & Cetak bermula 30 Mei 2022 (bawa pada hari konvokesyen)

**NOTA: Semua Borang dan dokumen diatas boleh di layari di Portal Rasmi PMKu di <http://www.pmku.edu.my/portal/> dengan Scan QR Code yang diberikan.**

**SCAN QR CODE DIBAWAH UNTUK MUAT TURUN BORANG DAN DOKUMEN  
BERKAITAN MAJLIS KONVOKESYEN KEENAM PMKu 2022**

